

For immediate release

MEDIA STATEMENT

IDEAS and CME: Where Did the Policy Debate Go?

WEDNESDAY 27 APRIL 2022: The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) and the Center for Market Education (CME) express concerns over the limited debate surrounding issues of political economy and the long-term consequences of implemented policies.

IDEAS and CME observe that a positive and vibrant discussion is ongoing on the future general elections (GE15), party leaderships and the relationship between the ruling coalition and the opposition (Memorandum of Understanding). However, policy decisions affecting the lives of the *rakyat* both in the short and long run are being made without the emergence of a proper and healthy debate both within the ruling and opposition coalitions.

The CEOs of the two think tanks, Tricia Yeoh and Carmelo Ferlito, wish to bring to public attention the following economic policy decisions that have been recently taken, announced and implemented without proper debate and without a sober reflection on the long-term potential negative unintended consequences.

Some of the main economic policy decisions that have been taken without serious public discourse include the new EPF withdrawal that has depleted RM40b of EPF funds in an instant, putting at risk the future financial stability and retirement of poorer households. Second, the shoddy management of MySejahtera, which has placed a massive amount of data in the hands of government that can be potentially misused and that has therefore further lowered public trust in government institutions. Third, the chicken price ceiling, which may have a negative incentive towards supply. Other recent economic policy decisions are the RTK test price ceiling and minimum wage revision; all of the above policies require meaningful public debate and rigorous engagement with the relevant stakeholders. We urge the return of policy debate that we believe crucial to key economic decision-making processes in the immediate future.

The aim of the current statement, however, is not to take a position on the above mentioned issues, but to stress how these important decisions cannot be made in the context of an emergency and without a proper debate. By always acting in response to an emergency, structural reforms are not addressed; furthermore, avoiding a reflection on the long-term unintended consequences means compromising Malaysia's growth path and shifting the costs of these decisions to future generations.

In conclusion, IDEAS and CME invite all the political parties to increase their level of engagement with economic policy decisions so that better choices for the welfare of the *rakyat* can be taken and the economic growth process can be placed on solid foundations.

--- END ---

About CME

The Center for Market Education (CME) is a boutique think-tank based in Kuala Lumpur, Malaysia.

As an academic and educational institution, CME aims to promote a more pluralistic and multidisciplinary approach to economics and to spread the knowledge of a sounder economics, grounded in the understanding of market forces.

In order to do so, CME is not only involved in academic initiatives, but it organizes seminars, webinars and tailor-made economics classes for students, journalists, businesspeople and professionals who wish to better understand the relevance of economics for their daily lives and activities.

Economics matters and needs to be presented in a fashion in which the link with reality is clearly visible. In this sense, we look not only at theoretical economics but also at policy making, with an emphasis on the unintended consequences generated by political actions.

For media enquiries:

T: +60-192394148

Email: carmelo.ferlito@gmail.com/centerformarketeducation@gmail.com

About IDEAS

The Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) is a nonprofit research institute, dedicated to promoting solutions to public policy challenges, focussing on three overarching missions – advancing a competitive economy, ensuring trust in institutions and promoting an inclusive Malaysia. IDEAS is Malaysia's first independent think tank, free of personal interests and partisan influences. For more information, visit www.ideas.org.my.

For enquiries, please contact:

Zokhri Idris, Ph.D

External Relations Director

zokhri@ideas.org.my

Untuk siaran segera

KENYATAAN MEDIA

IDEAS dan CME: Ke Manakah Perbincangan Dasar Menghilang?

RABU 27 APRIL 2022: Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan *Center for Market Education (CME)* menzahirkan kebimbangan terhadap kekurangan perbincangan sekitar permasalahan ekonomi politik dan kesan jangka panjang dasar-dasar yang dilaksanakan.

IDEAS dan CME mendapati bahawa suatu perbincangan yang positif dan bersemangat sedang berlangsung mengenai pilihan raya umum yang akan datang (PRU15), kepimpinan parti serta hubungan antara gabungan parti-parti pemerintah dan pembangkang (Memorandum Persefahaman). Namun, keputusan dasar yang memberi kesan kepada kehidupan rakyat untuk jangka masa pendek dan jangka masa panjang dilakukan tanpa perbincangan yang sihat dan tepat dalam kedua-dua gabungan kerajaan dan pembangkang.

Ketua Pegawai Eksekutif kedua-dua badan pemikir ini, Tricia Yeoh dan Carmelo Ferlito, ingin menarik perhatian awam terhadap beberapa keputusan dasar ekonomi yang baru-baru ini telah diambil, diumumkan dan dilaksanakan tanpa perbincangan yang wajar serta tanpa renungan yang waras kepada potensi negatif jangka panjang akibat yang tidak diingini.

Beberapa keputusan dasar ekonomi yang diambil tanpa perbincangan awam yang serius termasuk pengeluaran KWSP yang telah menyaksikan penyusutan wang simpanan KWSP sebanyak RM40 bilion dalam sekelip mata, meletakkan kestabilan kewangan pada masa hadapan dan juga simpanan wang persaraan isi rumah yang miskin dalam risiko. Kedua, pengurusan MySejahtera yang teruk, menyebabkan sejumlah data yang amat besar dalam pemilikan kerajaan yang berpotensi untuk disalah guna lalu mengakibatkan kadar kepercayaan masyarakat awam yang lebih rendah terhadap institusi kerajaan. Ketiga, harga siling ayam yang mungkin menyebabkan insentif negatif kepada bekalan ayam. Keputusan dasar ekonomi lain adalah harga siling ujian RTK dan semakan gaji minimum; semua dasar di atas memerlukan perbincangan awam yang bermakna dan libat urus yang menyeluruh bersama pemegang taruh berkaitan. Kami menggesa pelaksanaan semula perbincangan dasar, yang kami percaya amat penting kepada proses penting membuat keputusan ekonomi dalam masa terdekat.

Tujuan kenyataan media ini dikeluarkan bukan untuk menyatakan pendirian terhadap permasalahan yang dinyatakan, tetapi untuk menegaskan bahawa keputusan penting sebegini tidak boleh dilakukan dalam konteks kecemasan dan tanpa perbincangan sewajarnya. Tindakan melulu sebagai respons kepada kecemasan membuatkan pembaharuan struktur tidak dapat dilaksanakan; malah, mengelak daripada melihat kepada implikasi jangka masa panjang yang menjejaskan laluan pertumbuhan Malaysia serta mengalihkan kos keputusan yang diambil ini kepada generasi masa hadapan.

Kesimpulannya, IDEAS dan CME mengajak semua parti politik untuk meningkatkan tahap libat urus keputusan dasar ekonomi mereka agar pilihan yang lebih baik untuk kebajikan rakyat dapat diambil dan proses pertumbuhan ekonomi dapat diletakkan pada asas yang kukuh.

--- TAMAT ---

Tentang CME

Center for Market Education (CME) merupakan sebuah badan pemikir butik di Kuala Lumpur, Malaysia.

Sebagai sebuah institusi akademik dan pendidikan, CME bertujuan untuk mempromosikan pendekatan ekonomi yang lebih pluralistik dan pelbagai disiplin dan menyebarkan ilmu pengetahuan ekonomi yang lebih sihat serta berasaskan kepada kefahaman terhadap kuasa pasaran.

Untuk mencapai tujuan tersebut, CME bukan sahaja terlibat dalam inisiatif akademik malah turut menganjurkan pelbagai seminar, webinar dan kelas-kelas ekonomi yang direka khusus untuk pelajar, wartawan, ahli perniagaan dan golongan profesional yang ingin memahami dengan lebih baik perkaitan ekonomi dan kehidupan serta aktiviti seharian.

Ekonomi penting dan perlu dipersembahkan dengan cara yang mempunyai perkaitan jelas dengan realiti. Kami bukan sahaja melihat kepada ekonomi berteori tetapi juga membuat dasar, dengan memberikan penekanan kepada akibat yang tidak diingini disebabkan oleh tindakan politik.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

T: +60-192394148

Email: carmelo.ferlito@gmail.com/centerformarketeducation@gmail.com

Tentang IDEAS

Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah institut penyelidikan bukan berasaskan keuntungan, mengkhususkan kepada mempromosikan penyelesaian terhadap cabaran dasar awam, menumpukan kepada tiga misi menyeluruh - memajukan sebuah ekonomi yang kompetitif, memastikan keyakinan dalam institusi, dan mempromosikan sebuah negara Malaysia yang merangkumi semua. IDEAS merupakan badan pemikir bebas pertama Malaysia, tanpa kepentingan peribadi serta pengaruh berpihak. Untuk maklumat lanjut, lawati www.ideas.org.my.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

Zokhri Idris, Ph.D

Pengarah Perhubungan Luar

zokhri@ideas.org.my